

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIX)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

18. Masih terdapat tempat yang tidak dirangkumi oleh UniFi tetapi Streamyx sahaja memandangkan rangkaian UniFi boleh digunakan berdekatan dengan kawasan tersebut.
- (a) Apakah yang boleh Kerajaan Negeri lakukan untuk mempertingkatkan kelajuan internet ini?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Streamyx ialah sebuah perkhidmatan Internet jalur lebar talian tetap utama di Malaysia yang disediakan oleh Telekom Malaysia Berhad (TM). UniFi pula merupakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang terbaru diperkenalkan oleh TM. Perbezaan antara kedua-duanya adalah dari segi kelajuan/kepantasan penghantaran dan penerimaan data. UniFi lebih laju dan pantas berbanding Streamyx. Kadar kelajuan UniFi yang ditawarkan adalah sebanyak 10 Mbps, 30 Mbps, 50 Mbps dan 100 Mbps. Manakala kelajuan Streamyx hanyalah pada 1 Mbps, 2 Mbps, 4Mbps dan 8Mbps.

Perbezaan ini adalah disebabkan oleh perbezaan teknologi yang digunakan bagi penghantaran dan penerimaan data. UniFi menggunakan kabel *fiber optic* (gentian kaca) sebagai medium utamanya manakala Streamyx hanya menggunakan kabel tembaga (*copper*) sebagai medium perantaranya.

Berdasarkan data terkini daripada pihak Penang Geographic Information System Centre (PeGIS), hanya 50% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah diliputi jajaran *fiber* sepanjang 3,226km dengan 600km daripadanya adalah terdapat di jalan-

jalan utama negeri. Ini juga adalah punca perkhidmatan UniFi tidak dapat disediakan di sesetengah kawasan yang tidak diliputi jajaran *fiber optic*.

Sehubungan itu, bagi mempertingkatkan lagi kelajuan internet di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah merangka *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP) bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan tujuh (7) syarikat telekomunikasi serta menyasarkan pertambahan penyediaan jajaran *fiber optic* di seluruh kawasan di Negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2023 bagi mencapai hasrat untuk menjadi *Gigabit city* iaitu negeri dengan kadar kelajuan internet 1Gb.

Kerajaan Negeri percaya melalui PCMP dan kerjasama erat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) serta syarikat-syarikat telekomunikasi hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai *gigabit city* akan berjaya.